

Ruj. Kami : MQA 07/Jld.3 (86)

Tarikh : 15 April 2013

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan,

PEKELILING MQA BIL. 3/2013 – PENGGUNAAN STANDARD DIPLOMA EKSEKUTIF

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti sedia maklum, Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti Bil. 1/2012 pada 10 April 2012 telah memutuskan agar penawaran program Diploma Eksekutif diberi moratorium sehingga 31 Disember 2012. Pelaksanaan moratorium tersebut bagi membolehkan MQA menjalankan kajian menyeluruh dari aspek jaminan kualiti terhadap dasar sedia ada dalam usaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk terus memantapkan pelaksanaan program Diploma Eksekutif oleh pemberi pendidikan tinggi (PPT).

3. Justeru itu, berdasarkan hasrat tersebut, MQA dengan kerjasama KPT melalui beberapa sesi perbincangan dan mesyuarat telah mengkaji semula Standard Diploma Eksekutif sedia ada yang dibangunkan oleh MQA pada tahun 2009. Dokumen standard yang telah dikemaskini adalah merangkumi beberapa ketetapan baru seperti kumpulan sasaran, reka bentuk kurikulum, jumlah kredit bergraduat dan laluan pembelajaran dalam Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework, MQF*).

4. Dokumen standard ini dibangunkan dengan tujuan untuk menyediakan panduan kepada PPT bagi menjamin kualiti program Diploma Eksekutif Tahap 4, MQF. Berdasarkan dokumen standard ini, Diploma Eksekutif adalah program yang berdiri sendiri dan hanya ditawarkan kepada pekerja industri yang sedang bekerja atau dengan pengalaman bekerja yang memerlukan pengetahuan dan kemahiran khusus/spesifik dalam sesuatu bidang bagi mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan yang berkaitan dengan kerjaya mereka.

5. Sehubungan itu, bagi memastikan program Diploma Eksekutif yang ditawarkan memenuhi keperluan Tahap 4 MQF, maka telah diputuskan beberapa ketetapan seperti berikut:

- i. sekiranya program Diploma Eksekutif yang ditawarkan tidak memenuhi keperluan Tahap 4 MQF, maka pihak PPT perlu menyemak semula kurikulum berdasarkan Standard Diploma Eksekutif ini; atau

- ii. sekiranya PPT masih berhasrat untuk menawarkan program Diploma Eksekutif yang tidak memenuhi keperluan Tahap 4 MQF, maka pihak PPT perlu menggugurkan penggunaan nama "Diploma" pada penamaan program tersebut dan digantikan dengan nama lain yang bersesuaian.
- iii. Kurikulum program Diploma Eksekutif yang dibangunkan perlulah spesifik menjurus dalam sesuatu bidang dan tidak boleh menggunakan kurikulum program Diploma (Tahap 4, MQF) yang telah diluluskan.

6. Pelaksanaan dan pematuhan terhadap dokumen Standard Diploma Eksekutif ini adalah seperti butiran berikut:

BIL	TARIKH	PERKARA
1.	01 Mei 2013 sehingga 30 April 2014	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi untuk mematuhi keperluan dokumen standard berkenaan.
2.	01 Mei 2013	<ul style="list-style-type: none"> • Semua program baru yang memohon Akreditasi Sementara termasuk kurikulumnya hendaklah menggunakan dokumen standard ini sepenuhnya. • Dokumen standard ini akan digunakan sepenuhnya dalam proses penilaian MQA terhadap program pengajian. • Pengambilan pelajar pada dan selepas 01 Mei 2013 hendaklah mengikut syarat kelayakan masuk berdasarkan dokumen standard ini.

7. Pekeliling ini berkuatkuasa bermula dari tarikh ia dikeluarkan. Untuk makluman, dokumen standard ini boleh dimuat turun di laman web MQA (www.mqa.gov.my).

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang ikhlas,

(DATO' DR SYED AHMAD HUSSEIN)

Ketua Pegawai Eksekutif
Agensi Kelayakan Malaysia

No. Tel : 03-79687044
No. Faks : 03-79569496
Emel : syedahmad@mqa.gov.my

s.k.

1. YB. Menteri Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA

2. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 17, No.2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA

3. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 9, No.2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA

4. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pengajian Politeknik
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4W, Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA

5. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pengajian Kolej Komuniti
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 7, Galeria PjH, Jalan P4W, Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA